



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



eNewsletter HRMIS

EDISI 4 TAHUN 2021 OKTOBER – DISEMBER 2021



MENARIK EDISI INI

**Anugerah Pengkomputeran Hijau
(GCA 2021)**

MyPerformance

**Penambahbaikan Submodul
Pengurusan Perhubungan
Majikan-Pekerja (MBJ)**

**Penambahbaikan Submodul
Program Pembangunan
Kompetensi (PPK)**

**Permohonan Perjalanan ke Luar
Negara Atas Urusan Persendirian**

Video Tutorial Deskripsi Tugas (JD)


Pada 13 Disember 2021, Pusat Data Hijau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengoperasikan aplikasi HRMIS telah meraih kemenangan dalam Anugerah Pengkomputeran Hijau atau *Green Computing Awards* (GCA) 2021 bagi kategori Kejuruteraan Sistem Terbaik (*Best of Systems Engineering*). Pusat Data Hijau JPA turut dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan (*Best of the Best*) GCA 2021. GCA buat julung kalinya diadakan di Malaysia dan bakal menjadi acara tahunan bagi mengiktiraf agensi Kerajaan yang komited terhadap inisiatif pengkomputeran hijau, telah dianjurkan oleh Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dengan kerjasama *Green Computing Initiative* (GCI). Majlis penganugerahan GCA 2021 telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

GCI merupakan badan pensijilan antarabangsa terkemuka bagi akreditasi dan pensijilan pengkomputeran hijau organisasi yang bertanggungjawab melaksana penilaian bagi tujuan *Certified Green Computing Facility* (CGCF) untuk *Green Data Center Certifications* secara global yang melibatkan pengiktirafan ke atas lebih 160 Pusat Data di seluruh dunia. Pensijilan GCI adalah standard kecemerlangan dalam industri untuk memastikan amalan pengkomputeran lestari yang efisien dan efektif.

MyPerformance

Penambahbaikan Modul Pengurusan Prestasi – MyPerformance, dibangunkan berdasarkan Surat Edaran JPA.BK(S)174/3/2-1 Jld.8(18) bertarikh 3 November 2021: Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Serta Kumpulan Pelaksana Secara *Dual System* Bagi Tahun Penilaian 2022 dan 2023. Penambahbaikan ini terbahagi kepada 5 submodul dan satu (1) fungsi iaitu:

Submodul/Fungsi	Ringkasan Submodul/Fungsi
Submodul Sasaran Kerja Utama (SKU)	Submodul ini menyediakan kemudahan penetapan objektif penyampaian perkhidmatan di peringkat jabatan, penetapan petunjuk prestasi utama mengikut akauntabiliti jawatan dan merekodkan pencapaian penghasilan kerja.
Submodul Penglibatan dan Sumbangan	Submodul ini merekodkan penglibatan dan sumbangan PYD di luar tugas rasmi atau selain daripada yang dinyatakan dalam JD.
Submodul Kompetensi Tingkah Laku	Submodul ini menyenaraikan senarai kompetensi tingkah laku standard seseorang pegawai mengikut kumpulan perkhidmatan.
Submodul Kompetensi Fungsian	Submodul ini menyenaraikan semua kompetensi yang perlu dimiliki oleh seseorang pegawai bagi melaksanakan fungsi tugas jawatan yang disandang. Senarai kompetensi yang dipaparkan merupakan kompetensi jawatan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan masing-masing.
Submodul Nilai Sepunya	Submodul ini menyenaraikan set tingkah laku penting untuk membentuk sikap seseorang pegawai supaya sentiasa mematuhi peraturan dan mengamalkan nilai teras perkhidmatan awam.
Fungsi Career Development Conversation (CDC)	Fungsi ini memberikan kemudahan pelaksanaan CDC secara dalam talian dan berupaya merekodkan transaksi proses komunikasi dua hala antara PPP dengan PYD.



KEPENTINGAN MyPERFORMANCE

1

Meningkatkan penglibatan pelbagai peringkat pegawai dalam proses pengurusan prestasi

2

Menggalakkan amalan memberi maklum balas prestasi dan pembangunan diri secara berterusan

3

Membolehkan penilaian prestasi dibuat dengan lebih sistematik dan meyakinkan

4

Membolehkan Ketua Jabatan melaksanakan pengurusan prestasi mengikut fungsi jabatan atau kesesuaian perkhidmatan

5

Menggalakkan persaingan positif sesama pegawai bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan

6

Membolehkan maklumat pengurusan prestasi digunakan secara fleksibel bagi pelbagai tujuan pengurusan sumber manusia

Penambahbaikan Submodul Pengurusan Perhubungan Majikan-Pekerja (MBJ)

Submodul MBJ merupakan salah satu submodul yang berada di dalam Modul Pengurusan Komunikasi dan Tatatertib Pekerja. Submodul ini mengandungi proses atau fungsi yang membantu dan memudahkan pemantauan isu-isu MBJ dan pelaksanaan mesyuarat MBJ di agensi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), selaku Agensi Pusat MBJ.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2020, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan iaitu:

- Memperkemas peranan Agensi Induk dan Agensi Pusat dalam pengurusan dan pemantauan MBJ mengguna pakai konsep *let managers manage*
- Bilangan mesyuarat MBJ dikurangkan daripada empat (4) kepada tiga (3) kali setahun
- Memperkenalkan elemen inovasi dan produktiviti dalam bidang kuasa dan fungsi MBJ

The screenshot displays two overlapping windows from the MBJ Management System. The top window, titled 'MAKLUMAT ASAS MESYUARAT MBJ', contains fields for 'Nama MBJ', 'Jenis Mesyuarat' (set to 'Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)'), 'Bil. Mesyuarat', and 'Tarikh Mesyuarat'. The bottom window, titled 'SELENGGARA MAKLUMAT MESYUARAT', shows a list of issues under the heading 'PERKARA BERDANGKIT DARI MINIT MBJ YANG LALU'. A red box highlights the 'Kategori Isu' dropdown menu, which lists categories such as 'Kewangan Dan Kemudahan', 'Pentadbiran', 'Sumber Manusia', 'Kebajikan', 'Inovasi dan Produktiviti', and 'Lain-Lain'. Other fields in this window include 'Tajuk Isu', 'Status Isu' (with radio buttons for 'Selesai' and 'Belum Selesai'), and a 'Catatan' text area.

Penambahbaikan Submodul Program Pembangunan Kompetensi (PPK)

Satu penambahbaikan baharu untuk fungsi Kursus telah selesai dibangunkan di menu Permohonan Program Pembangunan Kompetensi >> Pemilik Kompetensi >> Kursus

Tab Kursus ini membolehkan CO mengisi dan memaklumkan kursus atau latihan yang telah dihadiri (bukan secara berjadual) kepada pengesah latihan di jabatan.

The screenshot shows the 'PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI YANG TELAH DIHADIRI' form with the 'KURSUS' tab selected. The form includes fields for 'Nama/Tajuk', 'Penganjur', 'Tempat', 'Tarikh Mula', and 'Tarikh Tamat'. Below these fields is a section titled 'SENARAI DOKUMEN SOKONGAN' with a table for recording documents. The table has columns for 'Bil.', 'Nama Fail', and 'Keterangan/Catatan'. At the bottom of the form are buttons for 'SIMPAN', 'SET SEMULA', and 'KELUAR'.

Seperti Sesi Pembelajaran dan Pembelajaran Kendiri di fungsi yang sama, pemakluman Kursus yang telah disemak dan disahkan akan dipaparkan di menu Papar Rekod Pemilik Kompetensi sebagai 'Disahkan'. Status ini juga akan direkodkan di ruangan Latihan, Bahagian II Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

Permohonan Perjalanan ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian

Submodul Permohonan Perjalanan ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian menawarkan kemudahan untuk Pegawai Perkhidmatan Awam yang hendak ke luar negara atas urusan persendirian memohon kelulusan daripada pegawai pelulus serta membuat tuntutan kemudahan perlindungan insurans.

Submodul ini juga mempunyai fungsi untuk membuat permohonan ke luar negara-negara jiran iaitu Brunei, Singapura dan Thailand dengan kelulusan secara *blanket approval*.

PERANAN	FUNGSI
Pemilik Kompetensi	• Permohonan Borang Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian • Permohonan Borang Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian (<i>Blanket Approval</i>) • Membuat Tuntutan Kemudahan Insurans (Sekali setahun dalam tahun kalendar) • Menyemak Status Permohonan dan Insurans dan sejarah permohonan ke luar negara • Mencetak Rekod Permohonan • Membuat Pindaan Borang Permohonan • Membuat Pembatalan Permohonan
Pelulus	• Mengemaskini status permohonan yang dihantar dari pemohon (Hantar untuk kelulusan/ Kuiri Pindaan/ Pembatalan Permohonan)
Pentadbir Tuntutan Insurans	• Menyemak dan membuat carian permohonan yang telah diluluskan untuk proses tuntutan insurans • Mengemaskini status tuntutan insurans pemohon • Memapar senarai tuntutan insurans yang diluluskan

Video Tutorial Deskripsi Tugas (JD)

Pasukan Promosi HRMIS telah menerbitkan tiga Video Tutorial Deskripsi Tugas (JD) untuk peranan Pentadbir, Pemilik Kompetensi dan Pengesah serta Pelulus. Pengguna boleh mempelajari kaedah pengoperasian submodul Deskripsi Tugas yang ditunjukkan secara langkah demi langkah. Ketiga-tiga video ini serta video tutorial HRMIS yang lain boleh didapati di saluran *Youtube: Change Management HRMIS JPA*

